

17 APR 2000

PELABURAN-AS/I

M'SIA BOLEH JANGKA PENINGKATAN PELABURAN AS

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Malaysia boleh menjangka untuk melihat peningkatan pelaburan AS tahun ini memandangkan prospek negara yang meyakinkan, kata presiden Majlis Perniagaan AS-Asean, Ernest Z. Bower.

Pelabur-pelabur (AS) akan memberi laporan positif tentang pemulihan Malaysia yang begitu cepat daripada krisis ekonomi, kata Bower yang mengetuai rombongan 47 wakil dari 24 syarikat utama AS ke Kuala Lumpur dari 17 hingga 19 April.

Katanya peningkatan pelaburan yang dijangkakan itu adalah juga sejajar dengan arah ekonomi yang terus menarik pelaburan dalam teknologi tinggi dan yang bermodal besar.

Bower berkata demikian kepada pemberita selepas menemui Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk S.Subramaniam di mana rombongan tersebut diberikan taklimat mengenai fungsi-fungsi kementerian itu.

Beliau menegaskan bahawa faktor sebenar yang menghalang AS dan Malaysia daripada mencapai potensi pelaburan sepatutnya adalah hakikat bahawa Malaysia tidak begitu terkenal di kalangan penduduk Amerika.

"Disebabkan itu, orang berkemungkinan besar mendapat gambaran yang salah tentang Malaysia dan hanya kepemimpinan tulen yang boleh mendidik penduduk Amerika tentang Malaysia," katanya sambil menambah bahawa beliau akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membincangkan perkara ini.

Sementara itu, dalam satu kenyataan, pengerusi Aetna International, Michael Stephen yang mempengerusikan Jawatankuasa Perniagaan AS-Malaysia, berkata beliau komited secara peribadi bagi memastikan bahawa hubungan di antara Malaysia dan AS terus subur dalam seluruh sektor ekonomi.

Data-data pertumbuhan ekonomi Malaysia yang kukuh tahun lalu dan unjuran bagi tahun-tahun akan datang menunjukkan pencapaian pemulihan yang mapan dan berasas luas, yang menambahkan lagi keyakinan jawatankuasa itu terhadap negara ini, tambah beliau.

Jawatankuasa Perniagaan AS-Malaysia terdiri daripada lebih 125 syarikat terkemuka di AS yang mempunyai operasi atau kepentingan di Malaysia.

Ahli-ahli jawatankuasa yang menyertai misi ini termasuklah American Express, The Boeing Company, The Coca-Cola Company, General Electric, General Motors, Ford Motor Company, DaimlerChrysler Corp, Oracle Corps, Unisys Corp, Credit Suisse First Boston dan Goodyear Tire & Rubber Company.

-- BERNAMA

SHO KY OS